

National Day

9 P.M Speeches

X

PM01.TXT

EMBARGO: 9.00 malam, Jumaat 30.8.96

PERUTUSAN  
HARI KEBANGSAAN PERDANA MENTERI  
Y.A.B. DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA  
PADA HARI JUMAAT, 30 OGOS 1996  
PUKUL 8.30 MALAM  
-----

Alhamdulillah, hari ini genaplah satu tahun lagi kita merdeka, satu tahun yang negara kita berada dalam keadaan aman, tenteram dan makmur. Mungkin kita anggap ini adalah suatu perkara biasa bagi negara kita tetapi ingin saya ingatkan bahawa dalam masa satu tahun negara yang aman boleh ditimpa malapetaka yang dahsyat. Justeru itu, hargailah dan bersyukurlah kerana tidak ada malapetaka besar yang menimpa negara kita. Sebaliknya usaha kita untuk membangunkan negara, supaya tercapai cita-cita besar kita menjadi negara maju menjelang tahun 2020, berjalan dengan baik.

2. Buat kedelapan kalinya ekonomi negara kita mencatat pertumbuhan sebanyak lapan peratus lebih setahun. Pertumbuhan ini bermakna kemungkinan kita mencapai matlamat menjadi negara maju adalah lebih cerah. Sebenarnya untuk menjadi sebuah negara maju daripada segi ekonomi, kita perlu tumbuh purata hanya tujuh peratus setahun selama 30 tahun, dari 1991 hingga 2020. Jika kita tumbuh dengan peratusan ini, KDNK atau GDP kita akan berlipat-ganda sekali pada tiap sepuluh tahun. Bersama dengan peningkatan KDNK, pendapatan per kapita juga akan meningkat pada tahap yang lebih kurang sama. Ini bermakna jika pada tahun 1991 per kapita kita ialah 3,000 Dollar Amerika, ia akan menjadi 6,000 Dollar Amerika pada tahun 2000, 12,000 Dollar Amerika pada tahun 2010 dan 24,000 Dollar Amerika pada tahun 2020. Ini adalah lebih tinggi daripada pendapatan per kapita kebanyakan negara maju sekarang. Jika kita berjaya membendung inflasi maka rakyat kita

akan menikmati taraf hidup yang sama atau lebih baik daripada sesetengah negara maju pada masa itu.

3. Tetapi sebenarnya kita telah tumbuh lebih daripada 8 peratus purata dalam tempoh lima tahun pertama Wawasan 2020. Ini sudah tentu akan menolong kita mencapai pertumbuhan purata tujuh peratus dalam tempoh 24 tahun yang akan datang. Lagipun pertumbuhan tujuh peratus setahun bukanlah terlalu tinggi. Sebenarnya pertumbuhan KDNK kita mencapai angka purata hampir 6.7 peratus setahun sejak kita merdeka. Untuk mencapai tujuh peratus setahun kita hanya perlu 0.3 peratus sahaja lagi. Pencapaian ini tidaklah mustahil jika kita berusaha bersungguh-sungguh.

4. Rancangan Malaysia Keenam, yang merupakan rancangan lima tahun pertama setelah Wawasan 2020 diisytiharkan, sudah pun tamat. Seperti yang disebutkan tadi pertumbuhan ekonomi dalam tempoh berkenaan ialah lapan peratus lebih setahun. Baru-baru ini kita telah melancarkan Rancangan Malaysia Ketujuh yang mempunyai sasaran yang sama daripada segi pertumbuhan, iaitu lapan peratus setahun.

5. Tetapi Rancangan Malaysia Ketujuh berbeza daripada segi masalah dan pendekatan. Keadaan dalam negara telah berubah, demikian juga keadaan dalam dunia. Dalam negara, kita menghadapi masalah kejayaan, iaitu masalah kekurangan tenaga buruh. Kita tidak lagi boleh menumpu kepada industri berteknologi rendah yang bergantung kepada tenaga pekerja. Dasar memperbanyakkan peluang kerja sudah begitu berjaya sehingga hari ini bilangan pekerja kita tidak mencukupi untuk mengisi peluang-peluang kerja yang diwujudkan.

6. Dengan itu kita perlu beralih daripada industri yang bergantung kepada tenaga kerja yang murah kepada industri berteknologi tinggi dan bermodal besar. Dalam industri ini bilangan pekerja tidak perlu ramai tetapi kecekapan pekerja hendaklah lebih tinggi. Dengan ini kekurangan bilangan pekerja

dapat diatasi dan bersama dengan kecekapan pekerja yang tinggi, upah juga akan dinaikkan. Jika upah dinaikkan tanpa peningkatan kecekapan dan kenaikan produktiviti, umpamanya melalui ugutan mogok oleh pekerja, kos pengeluaran barangan kita akan naik dan kita mungkin tidak dapat bersaing dalam pasaran antarabangsa. Kita ingin melihat pendapatan pekerja kita meningkat tetapi janganlah kerananya perniagaan merosot. Kita tahu apa akan terjadi kepada pekerja jika perniagaan rugi dan merosot.

7. Tidak ada yang percuma dalam dunia ini. Pekerja yang ingin pendapatan mereka bertambah hendaklah sanggup dilatih semula, mungkin dalam bidang lain. Di sesetengah negara maju pekerja tidak sanggup dilatih semula atau membuat jenis kerja yang lain. Akibatnya ialah hari ini pengangguran di sesetengah negara maju ialah sebanyak 20 peratus daripada tenaga buruh.

8. Soal tidak boleh menguasai kecekapan dalam bidang lain tidak timbul. Siapa sahaja yang sanggup menerima disiplin latihan tetap akan menguasai apa sahaja bidang dengan cekap. Ini adalah naluri manusia dan kita harus bersyukur dengan sifat semulajadi kurniaan Tuhan ini.

9. Sementara jenis industri kita perlu ditukar, perkembangan di zaman moden ini memaksa kita bertukar mengikut aliran ekonomi dunia yang baru. Sepertimana dunia dahulu berubah dari zaman pertanian kepada zaman perindustrian, sekarang ini zaman perindustrian pula berubah kepada zaman maklumat atau 'Information Age'. Semua kegiatan di dunia akan dipengaruhi oleh maklumat yang banyak dan mudah. Maklumat yang akan membanjiri masyarakat manusia bukan sahaja akan mempengaruhi ekonomi kita tetapi juga kehidupan sosial kita, politik kita, perhubungan antarabangsa dan segala-galanya.

10. Mereka yang cekap memperolehi maklumat dan menganalisisnya dengan pantas akan berjaya bersaing dalam apa juga bidang. Untuk mendapat maklumat, kecekapan dalam penggunaan alat-alat

komunikasi, termasuk komputer amatlah penting. Lebih daripada itu mereka yang cekap mencipta alatan dan cara-cara baru menangani maklumat akan dapat menguasai berbagai-bagai bidang, terutama ekonomi.

11. Justeru itu, kita di Malaysia mestilah sanggup beralih kepada industri yang berasaskan maklumat supaya kita tidak ketinggalan dalam zaman maklumat ini. Langkah awalan telah diambil oleh Kerajaan dengan penubuhan 'Multi-media Super Corridor' yang akan dilengkapi dengan semua kemudahan komunikasi yang tercanggih di antara Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang melalui Putrajaya. Dalam koridor ini penggunaan maklumat dan sistem komunikasi yang terkini akan membolehkan kita berhubung dengan seluruh dunia 'in real time' dan menggunakan kemudahan ini untuk pengurusan Kerajaan, swasta dan industri pembuatan yang canggih.

12. Kita yakin melalui 'Multi-media Super Corridor' ini kita akan dapat membangunkan negara kita dengan lebih cepat dan pekerja dan rakyat kita akan mampu bersaing dengan negara-negara lain dengan jayanya. Dengan itu pertumbuhan ekonomi kita tidak akan dihalang kerana peralihan dari zaman industri kepada zaman maklumat. Kita juga akan dapat mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di samping dapat meningkatkan pendapatan pekerja. Taraf hidup rakyat di semua peringkat akan naik sehingga sama dengan taraf hidup yang terdapat di negara maju. Pendek kata menjelang tahun 2020 kita akan menjadi negara maju daripada segi pendapatan dan taraf hidup.

13. Dalam bidang politik negara kita adalah istimewa. Walaupun penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai kaum dan suku kaum tetapi Malaysia terus aman dan tenteram. Demokrasi berjalan tanpa gangguan dan kita dapat mengadakan pilihanraya lima tahun sekali sejak kita merdeka.

14. Rakyat negara ini bebas memilih sesiapa sahaja sebagai wakil rakyat. Sementara sokongan kepada parti yang menjadi Kerajaan adalah besar tetapi parti lawan juga berjaya mendapat kerusi dalam Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, bahkan menubuh Kerajaan di negeri-negeri tertentu.

15. Kita bernasib baik kerana sejak merdeka gabungan parti politik yang sama telah dipilih tiap-tiap kali untuk mendirikan Kerajaan di peringkat pusat dan di kebanyakan negeri. Kesan daripada pemilihan parti yang sama terutama di peringkat pusat ialah penerusan dasar-dasar. Ini amat penting untuk pembangunan negara. Di negara-negara lain di mana Kerajaan bertukar daripada satu parti kepada satu parti tiap kali pilihanraya diadakan, pertukaran dasar berlaku dengan kerapnya dan ini mempunyai kesan buruk terhadap pembangunan. Pelabur tidak akan melabur melainkan dasar-dasar tidak bertukar secara radikal. Tanpa pelaburan yang berterusan tidak mungkin ekonomi bertambah.

16. Politik Malaysia adalah politik sederhana. Walaupun ada parti politik yang ekstrim di Malaysia, termasuk ekstrimis perkauman yang mendapat sokongan hanya daripada kaum tertentu sahaja, tetapi mereka tidak berjaya merebut kuasa.

17. Kerapkali parti yang terlalu lama menerajui Kerajaan mudah lalai akan tanggungjawabnya. Kerapkali pemimpinnya akan asyik untuk menikmati kehidupan yang mewah, bahkan mudah pula terlibat dengan rasuah. Tetapi Alhamdulillah ini nampaknya tidak berlaku di negara kita. Kepercayaan kepada parti yang memerintah ini semakin meningkat sehingga dalam pilihanraya yang lepas kemenangannya adalah yang terbaik sejak Malaysia merdeka.

18. Dalam bidang sosial, Malaysia juga tidak mempunyai banyak masalah. Penduduk berbilang kaum Malaysia belum lagi cukup mesra tetapi mereka mudah bekerjasama dalam suasana yang tenang.

19. Institusi kemasyarakatan seperti kekeluargaan, nikah kahwin dan adat resam masih diamalkan oleh semua kaum di Malaysia. Sedikit sebanyak perubahan telah berlaku tetapi tidaklah sehingga runtuh institusi masyarakat dan adat resam sepertimana yang telah berlaku di negara-negara maju.

20. Kita boleh berbangga dengan prestasi ekonomi, politik dan sosial kita. Kita boleh yakin bahawa menjelang tahun 2020 kita boleh menjadi negara maju dengan memperolehi pendapatan yang sama seperti rakyat negara maju yang lain dan menikmati kemudahan hidup yang tidak kurang daripada sesiapa.

21. Tetapi awal-awal lagi kita telah menegaskan bahawa kita mahu menjadi negara maju mengikut acuan kita. Kita tidak mahu menjadi negara tiruan yang menyerap dan mengamalkan segala-gala yang terdapat di negara maju. Namun kita tidak mahu berbeza daripada negara maju yang lain hanya kerana kita ingin berbeza daripada mereka. Maksud kita ialah selain daripada ekonomi yang maju kita tidak tolak apa-apa kebaikan lain yang ada pada negara maju. Yang ingin kita tolak ialah segala keburukan, sama ada yang terdapat di negara maju atau di negara mundur. Inilah yang kita maksudkan dengan acuan kita sendiri. Kita pilih yang jernih daripada mana sahaja dan kita tolak yang keruh walaupun berpunca daripada kita sendiri.

22. Bangsa yang maju, maju kerana budaya bangsa itu sesuai dengan kemajuan. Kemajuan yang kita capai hari ini ialah kerana budaya kita sesuai dengan kemajuan di tahap ini. Tetapi untuk menjadi negara dan bangsa yang maju, budaya kita mestilah sesuai dengan tahap kemajuan yang ingin kita capai.

23. Ini bermakna kita harus kaji dan bentuk budaya yang baru bagi bangsa kita. Tentu 'traditionalist' di antara kita akan membantah sebarang usaha untuk mencipta budaya baru bagi kita. Kita adalah kita kerana budaya kita. Jika ditukar budaya kita, kita tidak akan menjadi kita lagi, kita akan menjadi bangsa lain.

24. Sebelum kita memprotes dengan penuh emosi, tanyakan diri kita sama ada kita dan budaya kita sekarang sama seratus peratus dengan budaya nenek moyang kita. Jika kita ikhlas kita tentu akan akui bahawa budaya kita sudah berubah dan bertukar. Bangsa Melayu zaman ini umpamanya bukan bangsa Melayu zaman Hang Tuah, bahkan bukan pun bangsa Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan pada tahun-tahun lima puluhan.

25. Bangsa Melayu zaman ini mempunyai budaya yang berlainan dan berbeza dengan Melayu lama. Budaya kita ataupun jumlah nilai hidup yang kita pegang dan kita amali telah bertukar tanpa perancangan, bahkan tanpa disedari. Ada di antara budaya dan nilai hidup yang baru yang kita terimapakai baik dan tidak kurang pula ada yang buruk. Hakikatnya ialah budaya sesuatu bangsa itu bertukar sepanjang masa. Tetapi bangsa itu kekal dikenali sebagai bangsa itu juga.

26. Kebudayaan bangsa-bangsa Eropah semasa zaman empayar dan zaman industri adalah sesuai dengan pencapaian mereka. Mereka rajin, berani, sanggup mencipta dan mengubah cara-cara mereka membuat atau menguruskan sesuatu, memperbaiki cara mereka hidup bermasyarakat, menerima keperluan mengikut aturan-peraturan dalam kehidupan mereka dan meletak di tempat yang tinggi beberapa nilai yang membina. Jika pada hari ini prestasi mereka agak merosot sebabnya adalah kerana budaya mereka sudah tercemar dengan amalan dan nilai-nilai yang tidak membina.

27. Memandangkan kepada hakikat bahawa budaya memainkan peranan yang penting dan utama dalam menentukan mundur atau jayanya sesuatu bangsa dan negara, maka adalah penting kita terima peri mustahaknya diserapkan elemen-elemen yang membina ke dalam budaya kita supaya kita memiliki budaya sesuai dengan bangsa yang maju.

28. Budaya maju bagi bangsa yang maju tidak mudah dipastikan di zaman ini kerana banyak negara dan bangsa yang maju sudah tidak mengamalkannya lagi. Justeru itu, tidak ada contoh yang tepat

yang kita boleh gunakan. Namun jika kita analisa sejarah bangsa-bangsa yang maju dan yang mundur, dahulu dan sekarang, kita akan dapat menentukan apa yang patut menjadi sebahagian daripada budaya kita semasa menuju dan setelah sampai ke matlamat Wawasan 2020 dan selepasnya.

29. Sebenarnya terdapat banyak unsur daripada budaya kita yang sesuai dengan kemajuan. Kita tidak sombong dan angkuh, kita toleran, sedar akan kelemahan kita dan sanggup menyesuaikan diri dengan perkembangan di sekitar kita, sama ada di dalam atau di luar negara. Aspek-aspek budaya kita ini perlu dikekalkan.

30. Tetapi agak penting kita cuba kenal apa dianya budaya yang maju dan tamadun yang tinggi, 'or a developed culture and high civilisation'.

31. Bangsa yang maju perlu memiliki budaya yang halus yang meletakkan nilai yang mulia di tahap yang tinggi. Umpamanya ketertiban dan kesopanan dalam perhubungan antara anggota masyarakat, antara kaum dan antara bangsa. Kita tahu betapa kasarnya bangsa-bangsa yang maju sekarang. Mereka tidak segan-segan mendakwa kelebihan mereka dan cuba memaksa orang lain menerima apa sahaja yang mereka percaya dan amalkan.

32. Kita tidak perlu dakwa akan kebaikan kita tetapi kebaikan itu perlu terlihat jelas sehingga diakui dan dicontohi oleh orang lain. Kebaikan tetap membuahkan kebaikan yang nyata yang tidak perlu dijaja dan dilaungkan dengan megahnya.

33. Ketertiban kita termasuk kesediaan kita menerima dan mengamal ketertiban bermasyarakat. Tidak akan maju sesuatu masyarakat jika anggotanya tidak menghormati aturan-peraturan yang mengutamakan kesejahteraan masyarakat. Tidak ada tempat dalam masyarakat maju bagi orang yang mengutamakan kepentingan dirinya semata-mata. Semua perlu sanggup mengorbankan sedikit

kebebasan dan kepentingan diri kerana kebahagiaan masyarakat. Akhirnya kita semua akan menikmati kebahagiaan bagi diri sendiri.

34. Ekstrimisma tidak ada tempat dalam tamadun yang tinggi, walaupun ekstrimisma dalam kebaikan. Hak pekerja, hak wanita, hak orang yang cacat dan hak kemanusiaan semuanya baik. Tetapi keterlaluan dalam menuntut hak atau mempertahankan hak-hak ini tetap akan menidakkan hak orang lain. Dengan itu masyarakat yang ideal tidak akan wujud. Dalam segala-galanya kesederhanaan dan bertimbang rasa harus menjadi sebahagian daripada sifat orang yang berbudaya kemajuan.

35. Undang-undang bagi mengawal kesejahteraan masyarakat perlu ada dan perlu dihormati. Tetapi masyarakat yang ingin maju tidak harus bergantung semata-mata kepada kawalan undang-undang. Manusia yang bertamadun perlu kawal diri sendiri daripada perlakuan perkara-perkara yang tidak baik. Di sini ajaran agama adalah penting kerana kepercayaan yang benar kepada nilai-nilai keagamaan tetap akan memelihara penganutnya daripada perbuatan yang tidak sihat walaupun tidak ada undang-undang berkenaannya. Masyarakat yang memerlukan undang-undang untuk semua gerak-geri tingkah laku anggotanya bukanlah masyarakat maju yang bertamadun.

36. Sementara masyarakat perlu berpegang kepada tradisi, pegangan ini hendaklah tidak sehingga pembedahan dan pembaharuan tidak dapat dibuat walaupun kepada amalan dan cara yang sudah usang dan tidak lagi baik. Tradisi yang perlu diamalkan ialah tradisi sanggup menerima perubahan yang boleh membawa kebaikan. Tradisi yang sesuai dengan zaman berkereta lembu tidak boleh diteruskan juga di zaman kereta bermotor. Aturan-peraturan lain perlu digubal dan diterimapakai.

37. Kesanggupan menerima yang baru bukanlah kesanggupan secara buta-tuli. Demokrasi memang sistem yang baik tetapi kita tidak harus lupa bahawa demokrasi adalah untuk kebaikan kita dan bukan kita harus hancur kerana cuba mengamalkan apa sahaja yang

ditakrif sebagai demokratik. Demokrasi yang keterlaluan seperti demonstrasi dan mogok yang tidak berhenti-henti, mengutarakan hak individu sehingga masyarakat rosak dan menghasut rakyat supaya tidak menghormati undang-undang mungkin dianggap demokratik tetapi masyarakat hanya akan memperolehi keburukan daripadanya. Masyarakat yang ingin maju dan yang bertamadun tinggi hendaklah menolak demokrasi jenis ini.

38. Sesungguhnya budaya kemajuan dan tamadun tinggi tidak mudah dihuraikan sepenuhnya. Banyak nilai dan sifat yang perlu dimiliki jika masyarakat ingin menjadi maju. Seperti yang telah kita sebutkan berkali-kali, kemajuan bukan bermakna memperolehi pendapatan per kapita yang tinggi semata-mata. Negara maju yang kita idamkan lebih berkualiti daripada itu. Negara maju yang kita idamkan ialah negara yang berbudaya maju dan yang bertamadun tinggi. Oleh itu, sama-samalah kita renung dan fikir akan wawasan kita ini, mudah-mudahan kita akan beroleh kejayaan daripada usaha kita.

39. Pada hari ulangtahun ke-39 kita merdeka ini marilah kita memperbaharui semula tekad kita untuk menebus maruah bangsa dan berdiri sebuah negara yang tegak tinggi bersama dengan negara-negara yang bertamadun tinggi di dunia sekarang mahupun dalam sejarah manusia. Cita-cita kita ini besar dan tinggi tetapi Insya-Allah dengan izin Tuhan, God Willing, kita akan mencapainya.

\*\*\*\*\*

Pejabat Perdana Menteri  
Kuala Lumpur